

**Agong Berangkat Ke Majlis Bacaan Yasin Dan Tahlil Sempena Pertabalan
Bernama
12 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berangkat menghadiri majlis bacaan Yasin dan tahlil sempena pertabalan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 di Masjid Negara di sini Khamis malam.

Turut berangkat Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda berdua pada pukul 7.20 malam disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Pertabalan serta beberapa menteri Kabinet.

Majlis bacaan Yasin dan tahlil dipimpin oleh Imam Besar Masjid Negara Tan Sri Shaikh Ismail Muhammad diadakan selepas solat Maghrib.

Majlis itu turut dihadiri lebih 3,000 umat Islam.

Ini adalah kali kedua Tuanku Abdul Halim ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong. Kali pertama baginda dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong kelima pada 1970.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658744>